

Risalah Maklumat Ubat Pesakit – Ubat Titis Mata Azarga

Nama Keluaran

Azarga 10 mg/ml + 5 mg/ml Eye Drops, Suspension

Diskripsi

Ubat titis mata Azarga adalah larutan (suspension seragam yang berwarna putih atau putih muda), dibekalkan dalam plastik botol 5ml.

Bahan Aktif

Brinzolamide dan Timolol.

Kekuatan Ubat

Satu ml ubat titis mata Azarga mengandungi 10mg brinzolamide dan 5mg timolol (sebagai timolol maleate 6.8mg).

Indikasi Ubat

Ubat titis mata Azarga digunakan untuk merawat tekanan tinggi di dalam mata. Peningkatan tekanan di dalam mata boleh menyebabkan penyakit yang dikenali sebagai "glaucoma".

Azarga adalah ubat titis mata kombinasi untuk merawat glaucoma. Ubat ini mengandungi 2 bahan aktif yang memberi kesan bersama-sama untuk menurunkan tekanan di dalam mata.

Dos serta Cara Penggunaan

Dewasa – Titiskan satu titis ubat mata Azarga ke dalam mata sasaran, dua kali sehari (hari siang dan malam).

Hanya titiskan ke kedua-dua mata sekiranya disuruh oleh doktor anda. Titiskan ubat mata ini selagi disuruh oleh doktor anda



1



2



3

- Sediakan Azarga botol dan cermin.
- Cuciakan tangan.
- Goncangkan botol sebelum penggunaan.
- Buka penutup botol ubat titis mata.
- Pegang botol dengan ibu jari dan jari-jari, menghalia botol ke bawah.
- Sengetkan kepala anda ke belakang. Tarik kelopak mata dengan jari bersih, sehingga satu bentuk "saku" terjadi di antara kelopak mata dengan mata anda. Titisan ubat mata akan masuk sini (gambar 1).
- Dekatkan penghujung botol dengan mata. Pakai cermin sekiranya perlu.
- Jangan tersentuh penghujung botol dengan mata, kelopak mata, kawasan sekelilingnya atau permukaan lain. Ini akan kotorkan ubat mata.
- Tekan dengan ringan dekat tapak botol sehingga satu titisan dikeluarkan setiap kali anda menekan botol.

- * Jangan picit botol; ia direka-bentuk supaya tekanan ringan pada tapak botol adalah mencukupi (gambar 2).
- * Selepas menitis Azarga, tekan dengan satu jari pada penjuru mata anda, bersebelahan hidung (gambar 3). Ini dapat mengelakkan Azarga memasuki bahagian badan lain.
- * Sekiranya anda menggunakan ubat ini pada kedua-dua mata anda, ulangi langkah-langkah yang sama kepada mata yang lain.
- * Tutupkan penutup ubat titis mata serta merta selepas penggunaan.
- * Habiskan satu botol sebelum membuka botol yang lain.

Sekiranya ubat titis mata tidak mengena mata sasaran, cuba sekali lagi.

Sekiranya anda menitis lebih daripada yang sepatutnya, cuci mata dengan air suam. Jangan menitis lagi sehingga masa untuk dos yang seterusnya.

Sekiranya anda terlupa menitis ubat mata Azarga, sila tunggu sehingga masa untuk dos seterusnya. Jangan gandakan dos. Jangan guna lebih dari satu titis ke mata sasaran 2 kali sehari.

Sekiranya anda berhenti menggunakan Azarga tanpa nasihat doktor, tekanan di dalam mata mungkin tidak dapat dikawal dan akan menyebabkan kebutaan.

Sekiranya anda menggunakan lebih dacipada sejenis ubat mata, sila tunggu selama 5 minit di antara setiap penggunaan ubat mata tersebut.

Sekiranya anda mempunyai keraguan yang lain berkenaan penggunaan ubat titis mata ini, sila tanya doktor atau ahli farmasi anda.

Kesan Sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, Azarga boleh menyebabkan kesan sampingan walaupun bukan semua orang akan mengalami kesan-kesan tersebut.

Anda boleh terus menggunakan ubat titis mata ini kecuali kesan tersebut adalah serius.

Sekiranya kesan ini merisaukan anda, hubungi doktor atau ahli farmasi anda.

Kesan-kesan sampingan berikut pernah dilaporkan kepada Azarga:

Kesan sampingan yang biasa (mempengaruhi 1 – 10 orang dalam 100)

Kesan sampingan ke atas mata: kabur penglihatan, iritasi mata, sakit mata, sensasi mata tak normal.

Kesan sampingan yang lain: rasa yang pelik

Kesan sampingan yang luar biasa (mempengaruhi 1 – 10 orang dalam 1000)

Kesan sampingan ke atas mata: radang mata, mata merah, mata gatal, kelopak mata gatal, kemerahan, bengkak, alahan, mata kering, dan mata letih.

Kesan sampingan yang lain: penyakit paru-paru kronik, penurunan tekanan darah, iritasi kerongkong, batuk, susah masuk tidur, radang kulit, kemerahan atau gatal, selsema, dan ketidaknormalan rambut.

Penambahan:

Azarga mengandungi 2 jenis bahan aktif yang telah dipasarkan. Kesan sampingan yang telah dikesan untuk bahan-bahan aktif tersebut adalah seperti berikut:

Kesan sampingan ke atas mata: Kerosakan pada saraf optic, peningkatan tekanan dalam mata, deposit pada permukaan mata, kekacauan pada kornea, penurunan mata sensasi, keradangan atau jangkitan pada konjunktiva, gandaan atau penurunan dalam penglihatan, peningkatan pigmentasi dalam mata, penumbuhan pada permukaan mata, peningkatan dalam air mata, mata bengkak,

peka terhadap cahaya, penurunan dalam pertumbuhan bulu mata, radang pada kelenjar mata kelopak.

Kesan sampingan yang lain:

Jantung dan peredaran darah: penukaran dalam kadar jantung, sakit dada, penurunan fungsi jantung, jantung berhenti, peningkatan tekanan darah, penurunan edaran darah ke otak, strok, bengkak pada hujung badan.

Pernafasan: susah pernafasan, kesan selsema, kesesakan dada, jangkitan hidung, bersin, kekeringan dan pendarahan hidung, asma.

Sistem saraf: kesedihan, ingatan yang lemah, sakit kepala, kerisauan, iritasi, letih, kekejutan, perasaan tak normal, lemah dan pening.

Gastrik: muntah, rasa muntah, cirit-birit, sakit abdomen atau gas salurair usus, radang kerongkong, kekeringan atau abnormal sensasi dalam mulut, penurunan rasa sensasi, masalah penceraian dan sakit perut.

Darah: nilai fungsi hati yang luar biasa, peningkatan paras klorin darah, penurunan dalam pengiraan sel darah merah.

Alahan: peningkatan simptom alergi

Telinga: deringan di dalam telinga, pening atau pitam sensasi

Kulit: gatal, radang, penurunan kulit sensasi, kehilangan rambut

Otot: sakit belakang, sendi dan otot, kekejangan otot, sakit di penghujung badan, kelemahan otot.

Ginjal: sakit ginjal seperti sakit belakang bahagian bawah, kencing yang kerap

Reproduksi: penurunan dalam nafsu, kesusahan dalam reproduksi lelaki

Metabolisma: gula darah rendah.

Sekiranya anda mengalami kesan sampingan yang lain, anda haruslah memberitahu doktor atau ahli farmasi anda dengan segera untuk mendapatkan nasihat.

Interaksi Ubat-ubatan

Azarga boleh mempengaruhi atau dipengaruhi oleh ubat-ubatan lain yang anda sedang ambil, termasuk ubat titis mata lain untuk rawatan glaucoma. Sila beritahu doktor anda sekiranya anda sedang atau bercadang mengambil ubat untuk menurunkan tekanan darah, ubat sakit jantung, ubat untuk kencing manis, ubat untuk gastric, atau antifungal, antivirus atau antibiotic.

Sila beritahu doctor atau ahli farmasi anda sekiranya anda sedang mengambil atau baru-baru ini telah mengambil ubat lain, termasuk ubat tanpa preskripsi.

Kesan-kesan Keracunan

Sekiranya anda menitis terlalu banyak ubat titis mata Azarga ke dalam mata sasaran, bilas mata tersebut dengan air paip. Penggunaan ubat titis mata berlebihan boleh menyebabkan mata merah dan radang. Jangan menitis ubat mata Azarga lagi sehingga masa untuk dos seterusnya.

Sekiranya ubat titis mata Azarga terminum atau tersuntik, sila hubungi doktor atau ahli farmasi untuk mendapatkan nasihat mereka.

Cara Penyimpanan

Jauhi dari kanak-kanak.

Jangan guna ubat titis mata ini sekiranya melepas tarikh luput yang teretak pada botol atau kotak. Tarikh luput merujuk kepada hari terakhir pada bulan tersebut.

Ubat titis mata ini tidak memerlukan cara penyimpanan yang spesifik.

Selepas botol dibuka selama 4 minggu, sila buang botol ini untuk mengelakkan jangkitan, dan sila guna botol yang baru.

Nama Pengilang
SA Alcon-Couvreur NV
Rijksweg 14,
B-2870 Puurs.
Belgium.

Product Registration Holder:
Novartis Corporation (Malaysia) Sdn. Bhd.
Level 22, Tower B, Plaza 33,
No.1, Jalan Kemajuan,
Seksyen 13, 46200
Petaling Jaya, Selangor, Malaysia.
MAL20091944AZ

Maklumat Lanjut
Sila hubungi doktor dan ahli farmasi anda.

Serial Number: NPRA (R1/1) 05022018/013